

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

13. Apakah analisis permohonan pekerjaan dan tawaran pekerjaan yang diterima oleh golongan awal dewasa di negeri Pulau Pinang?
- a) Sila huraikan analisis kekosongan pekerjaan bagi kawasan industri FIZ di Bayan Baru.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri tidak mempunyai data terperinci berkenaan permohonan pekerjaan dan tawaran pekerjaan yang diterima oleh golongan awal dewasa di negeri Pulau Pinang. Namun, berdasarkan Buletin Perangkaan Sosial 2017 untuk Pulau Pinang, pada tahun 2016, bilangan pendaftar baru (permohonan pekerjaan) adalah 2,983 orang berbanding kekosongan jawatan yang didaftar adalah sebanyak 57,737 dan bilangan penempatan adalah sebanyak 1,928.
- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data terperinci berkenaan kekosongan pekerjaan bagi kawasan perindustrian Zon Perniagaan Bebas (FIZ) Negeri Pulau Pinang buat masa ini. Namun, berdasarkan data daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), bilangan pekerjaan yang diwujudkan oleh pelaburan industri pembuatan di Pulau Pinang pada tahun 2016 adalah sebanyak 10,816 manakala pada tahun 2017, bilangan pekerjaan yang diwujudkan oleh pelaburan industri pembuatan ialah sebanyak 13,553, di mana 6,270 daripadanya adalah untuk kawasan perindustrian Bayan Lepas. Sektor elektrik dan elektronik (E&E) merupakan sektor yang

menyumbangkan nilai pelaburan pembuatan yang paling tinggi iaitu sebanyak 62% di Pulau Pinang.

Selain itu, hasil kajian *Penang Skilled Workforce* yang dilaksanakan oleh *Penang Institute* menunjukkan bahawa aktiviti pengambilan pekerja lebih banyak berlaku dalam industri pembuatan berbanding dengan industri perkhidmatan. Secara khususnya, industri pembuatan berteknologi tinggi mencatatkan jumlah pengiklanan jawatan kosong yang paling tinggi, diikuti oleh sektor Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*).